

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]
TARIKH : 10 JUN 2014
RUJUKAN : 6819

SOALAN:

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebabnya MyKid tidak dapat dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sejak Ogos 2013 sehingga awal Mei 2014. Sila nyatakan bilangan permohonan MyKid yang tersangkut dan kerugian yang ditanggung akibat daripada kelemahan sistem JPN tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menangguhkan pengeluaran Kad Pengenalan Kanak-Kanak bertaraf Warganegara Malaysia (MyKid) mulai 15 November 2013 yang bertujuan untuk membolehkan JPN mengambil tindakan penambahbaikan terhadap ciri-ciri fizikal MyKid termasuklah meningkatkan ciri-ciri keselamatan serta penggunaannya ke agensi-agensi Kerajaan dan swasta. Dalam hal ini, penambahbaikan tersebut telah pun diselesaikan dan sedang dalam peringkat pelaksanaan secara *pilot* di JPN Putrajaya.

Sejak bulan Ogos 2013 sehingga Mac 2014, terdapat sebanyak 86,000 permohonan MyKid yang telah diterima oleh JPN dan sehingga 29 Mei 2014, semua permohonan MyKid tersebut telah pun dicetak dan sedang diedarkan kepada pemohon. Dalam hal ini, JPN tidak menanggung sebarang kos penambahbaikan atau kerugian memandangkan penambahbaikan tersebut tidak melibatkan perubahan besar dalam sistem JPN dan jumlah bekalan kad mentah MyKid. Selain itu, perlu juga diambil maklum bahawa Sijil Lahir masih boleh digunakan sebagai dokumen pengenalan diri kanak-kanak walaupun mereka masih belum memiliki MyKid.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2014

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah peningkatan perbelanjaan yang dijangka selepas pelaksanaan GST untuk sebuah keluarga dengan 3 orang anak yang terkini berbelanja sebanyak RM 3000 sebulan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Pada dasarnya pelaksanaan GST tidak akan menambahkan perbelanjaan isi rumah dengan ketara. Ini disebabkan sekarang, pengguna telah pun membayar cukai jualan 5% dan 10% serta cukai perkhidmatan 6%. Berdasarkan simulasi, peningkatan perbelanjaan bagi isi rumah yang berbelanja RM3,000 sebulan adalah sebanyak RM59.86 sebulan atau hanya 1.9% daripada jumlah perbelanjaan sebulan.